

23/09/1997

Intan lancar program kecemerlangan

KUALA LUMPUR, Isnin - Institut Pentadbiran Awam Nasional (Intan) hari ini melancarkan projek pertama pusat kecemerlangan pendidikan G-15, bertujuan menawarkan latihan pelbagai disiplin khusus kepada pegawai negara Selatan-Selatan.

Projek dinamakan Kursus Metodologi Latihan itu akan menangani pelbagai isu pembelajaran pengurusan dalam organisasi, dalam usaha memberi tumpuan kepada faktor kemanusiaan yang penting bagi pembangunan dan pertumbuhan di abad ke-21.

Seramai 15 peserta dari beberapa negara Selatan-Selatan menyertai kursus itu yang bermula pada 16 September lalu sehingga 8 November ini.

Idea mewujudkan pusat kecemerlangan pendidikan di semua negara anggota G-15 dicetuskan ketika Sidang Kemuncak G-15 di Dakar, Senegal pada 21-23 November 1992.

Serentak itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu Malaysia berkongsi pengalaman dalam bidang pentadbiran dan pengurusan dengan menubuhkan tiga pusat kecemerlangan pendidikan.

Intan dipilih sebagai satu daripada pusat itu, selain Universiti Malaya dan Institut Aminudin Baki (IAB).

Berucap di majlis pelancaran itu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, berkata Malaysia berbangga menjadi negara perintis penubuhan pusat kecemerlangan pendidikan itu.

"Saya berpendapat kesedaran Selatan-Selatan harus dikembangkan sebagai sebahagian daripada amalan negara-negara membangun untuk saling menyokong dan mengukuhkan kerjasama Selatan-Selatan," katanya. Teks ucapan Najib dibacakan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn. Hadir sama Pengarah Intan, Dr Halim Shafie.

Najib berkata, negara Selatan-Selatan harus saling berusaha mengukuhkan kefahaman mengenai sejarah, budaya dan nilai satu sama lain dan satu pendekatan terbaik mencapai sasaran itu menerusi program pertukaran pelajar.

"Saya meminta negara anggota G-15 lain memulakan daya usaha menjayakan komitmen itu," katanya.

Projek lain pusat kecemerlangan pendidikan akan dilaksanakan Universiti Malaya yang memulakan program Sarjana Pentadbiran Awam Mei tahun depan, manakala IAB akan mengendalikan program Pengurusan Pendidikan Bagi Penelia Sekolah mulai November ini.

(END)